

Article Info:

Published Date: 15 June 2023

*Corresponding Author: siyah.hanisah@gmail.com

ELEMEN WARNA DALAM SENI KALIGRAFI ARAB

Color Elements in Arabic Calligraphy

Asiyah Hanisah Mohd Abidin

Maahad Tahfiz Al-Quran Terengganu, Kompleks Pengajian Al-Quran Terengganu,
Kampus Padang Midin, 21400 Marang, Terengganu, Malaysia

To cite this article (APA): Mohd Abidin, A. H. (2023). Color Elements in Arabic Calligraphy: Elemen Warna dalam Seni Kaligrafi Arab. *KUPAS SENI*, 11(1), 1–8. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.1.1.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.1.1.2023>

ABSTRAK

Warna merupakan elemen asas dalam penghasilan sesebuah karya seni kerana tujuan penggunaan setiap warna membawa maksud yang berbeza. Sejak zaman dahulu, kaligrafi arab atau khat sering dikenali dengan penggunaan warna hitam dan putih. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana perubahan yang mampu dibawa dengan mengaplikasikan elemen warna dalam seni kaligrafi oleh para pengkarya dan seniman Islam. Metod yang digunakan bagi memperoleh informasi kajian adalah daripada sumber artikel jurnal dan laman web yang berautoriti serta perpustakaan dalam talian. Hasil kajian mendapati bahawa karya seni kaligrafi arab yang berwarna-warni telah menarik minat penggemar seni daripada segenap lapisan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa dengan sedikit sentuhan warna, seseorang seniman mampu menghasilkan karya teragung.

Kata kunci: warna, seni, kaligrafi, arab, islam

ABSTRACT

Color is a basic element in the production of a work of art as the purpose of using each color carries a different meaning. Since ancient times, Arabic calligraphy or khat is often known for its use of black and white color. This study aims to see how much change can be brought by applying color elements in the art of calligraphy by Islamic artists and creators. The method used to obtain research information is from authoritative sources of journal articles and websites as well as online libraries. The results of the study found that the colorful artwork of Arabic calligraphy has attracted the interest of art lovers from all walks of life. This shows that with a little touch of color, an artist is able to produce the greatest work.

Keyword: color, art, calligraphy, arabic, islamic

PENGENALAN


Warna memainkan peranan penting dalam cara kita melihat dunia sekitar kita. Tumbuhan berwarna hijau menunjukkan bahawa ia subur, warna coklat bermaksud bahawa tumbuhan itu telah layu dan akan mati. Selari perkembangan zaman, manusia mengimplementasikan warna ke dalam objek atau alat buatan mereka yang mana hal ini berfungsi bagi memudahkan urusan kehidupan harian mereka. Setiap warna mempunyai maksud yang tersendiri dan dengan mempelajari tentang penggunaan warna dalam kehidupan harian, kita mampu memahami makna yang ingin disampaikan. Sebagai contoh, warna pada lampu isyarat untuk menjelaskan maknanya yang tersendiri iaitu warna merah bermaksud perlu

berhenti, kuning bermaksud bersedia untuk berhenti, dan hijau bermakna jalan. Aplikasi elemen warna dalam seni kaligrafi khat menzahirkan makna yang mendalam dan boleh dikatakan menjadikan karya itu lebih menarik. Seni kaligrafi arab juga dikenali ramai sebagai karya kesenian Islam disebabkan oleh tulisan Arab yang digunakan selari dengan bahasa dan ayat-ayat Al-Quran. Petikan ayat Al-Quran dan syair arab merupakan sumber utama yang digunakan oleh para seniman Islam serta rujukan ahli bahasa dalam perkembangan dan pembangunan tulisan Arab. Penggunaan warna dan pembelajaran bahasa arab mampu menjadikan seseorang seniman khat itu lebih menjawai apa yang dilakukannya dan seterusnya dapat menghasilkan karya terbaik mereka. Perkataan dan tulisan memberitahu unsur-unsur yang tersurat di dalam karya tersebut manakala pengaplikasian warna menjelaskan keindahan dan makna tersirat seni khat yang dihasilkan.

Apa itu Kaligrafi Arab?


Perkataan ‘kaligrafi’ berasal daripada bahasa Yunani ‘kallos’ iaitu keindahan dan kecantikan dalam menulis yang membawa maksud tulisan yang indah. Dalam bahasa Arab, ia dipanggil al-khat al-Arabi. Perkataan ‘khat’ pada asalnya adalah bahasa Arab yang bermaksud garisan atau goresan pena yang membentuk tulisan tangan. Ia juga dipanggil fann al-khat, iaitu seni memurnikan tulisan atau memperbaiki tulisan. Sebagaimana yang telah diketahui, kaligrafi arab merupakan satu karya seni tulisan yang menggunakan bentuk tulisan Arab. Karya seni ini juga diperkenalkan penghasilannya kali yang pertama di Semenanjung Arab. Umumnya, kaligrafi Arab adalah tulisan indah yang berasal dan berkembang di wilayah Tanah Arab. Seni khat Arab telah diperkenalkan secara meluas sejak bermulanya tamadun awal Islam. Manuskip-manuskip terawal al-Quran yang masih wujud kini juga boleh dikaitkan dengan abad pertama Islam. Penyatuan pentadbiran pusat umat Islam telah bermula sejak zaman pemerintahan Khalifah Umayyah Abd al-Malik yang mana secara umumnya dianggap sebagai peringkat pertama penubuhan negara Islam. Penubuhan tamadun awal Islam merupakan titik tolak dalam sejarah kaligrafi al-Quran disamping menjadi satu permulaan era baru yang berterusan hingga ke hari ini (George, 2017).

Contoh-contoh kaligrafi arab yang terkenal adalah seperti berikut:




Rajah 1: Khat Diwani

Khat Diwani diasaskan oleh Muhammad Munif setelah Konstantinopel (Istanbul) ditawan oleh Sultan Muhammad al-Fateh. Khat ini dicipta untuk menulis surat-surat rasmi, keputusan dan surat pekeliling pentadbiran kerajaan. Ciri khusus bagi penulisan khat ini adalah berbentuk condong ke kiri, lembut, bindar dan melengkung, bersusun dan bertindih-tindih serta tidak berbaris. Thuluth bermaksud 1/3 dan khat ini dinamakan sebagai Khat Thuluth kerana hurufnya ditulis secara menegak dengan mata pen khat yang mempunyai ukuran khusus iaitu 1/3 lebar. Terdapat juga nama lain bagi Khat Thuluth iaitu Ummul Khat yang membawa maksud ibu tulisan.



Rajah 2: Khat Thuluth

Seperti yang dilihat dari namanya, Khat Farisi dikembangkan oleh orang Parsi dan menjadi tulisan rasmi bangsa itu sejak zaman Kerajaan Safawiyyah sehingga hari ini. Kaligrafi ini mengutamakan unsur garis yang ditulis tanpa baris serta keindahan tulisan ini terletak pada gaya penulisan yang condong ke kanan dan memanjang serta kurangnya penggunaan garis menegak. Kepentingan utama seni khat Arab terletak pada budaya dan warisan Arabnya yang melambangkan Islam serta dianggap sebagai kaedah ekspresi unik yang menggambarkan sejarah dan latar belakang Islam serta peringkat perkembangannya (Baydoun, Abdulrahman Alghamdi & Kamarudin, 2023).



Rajah 3: Khat Farisi

Reka bentuk kaligrafi arab banyak memainkan peranan penting dalam seni dan seni bina Islam terutamanya dalam penghasilan corak hiasan di masjid, yang telah berkembang mengikut zaman dan masih bermakna. Kebiasaannya, kaligrafi arab terdiri daripada tiga komponen ini iaitu skrip berbeza, corak bunga atau abstrak tumbuh-tumbuhan dan reka bentuk geometri yang berulang-ulang (Dariyadi, Baydoun, Kamarudin, 2022).

Fungsi Warna dalam Khat Arab

Pada dasarnya, warna berperanan sebagai alat komunikasi antara manusia dengan dunia luar (Hidayat, 2020). Sesuatu objek yang memiliki warna menjadi sebab kelancaran ingatan dalam otak manusia. Hal ini memberi maksud bahawa seseorang itu akan mudah untuk mengingati sesuatu objek dengan melihat warna semula jadi objek tersebut. Daun warnanya hijau, air warnanya biru, awan warnanya putih, dan seumpamanya. Fungsi utama karya kaligrafi yang adalah untuk menghias ruang sama ada ruang tertutup maupun terbuka agar kelihatan lebih indah disamping mencerminkan konsep agama Islam. Tidak dinafikan bahawa pada setiap warna terdapat kelebihan-kelebihannya tersendiri dan kita dapat melihat penggunaan unsur-unsur tersebut pada banyak karya-karya seni Islam. Istilah "inventori universal" digunakan untuk menggambarkan unsur warna hitam, putih, merah, hijau, biru, dan kuning sebagai enam kategori warna asas (Lindsey, Brown & Lange, 2020). Pelbagai warna asas kebiasaannya dicampur bagi menghasilkan warna baharu bersifat tulen, harmoni dan bersemangat yang digunakan dalam semua bidang seni. Penggunaan warna yang ekspresif dan kreatif ditakrifkan sebagai tugas utama dalam pengaplikasian warna ke dalam seni dan reka bentuk kaligrafi arab. Di samping itu konsep warna

telah menjadi tumpuan dalam seni bina Islam dimana penggunaan kaligrafi arab semakin popular. Aplikasi algoritma digunakan bertujuan untuk membantu aliran kerja reka bentuk digital dimana palet warna dijana secara automatik menggunakan pembelajaran mesin dan untuk membandingkan palet yang diperoleh daripada kajian psikofizikal (Yang, Chen, Westland, et al., 2020). Terdapat lebih kurang 140 nama warna yang dikenal oleh HTML berdasarkan kodnya (Dahlan, 2021).

Blue	#0000FF	
Black	#000000	
Red	#FF0000	
White	#FFFFFF	
Green	#008000	
Purple	#800080	
Yellow	#FFFF00	
Orange	#FFA500	
Violet	#EE82EE	
Silver	#COCOCO	
Gold	#FFD700	
Gray	#B0C4DE	
Pink	#FFC0CB	
Fuscia	#FF00FF	
Light Blue	#ADD8E6	
Sky Blue	#87CEEB	
Aqua	#00FFFF	
Khaki	#F0E68C	

Rajah 4: Kod Warna HTML dan Spesifikasi Warna

Antara warna yang paling kerap digunakan dalam mana-mana karya seni islam adalah warna biru. Biru yang merupakan warna air dikatakan sebagai bukti keinginan Tuhan untuk memberkati ciptaan-Nya. Unsur ini menjadi simbol penting keberkatan Ilahi sejak awal perkembangan Islam. Ia juga mewakili kedua-dua langit dan alam bintang yang sentiasa mengingatkan kita tentang penciptaan alam yang tidak berkesudahan. Selain itu, warna ungu juga diertikan dengan langit malam yang dipenuhi bintang yang cantik bersinar terang serta tidak terkira bilangannya. Ungu merupakan warna simbol diraja yang mencerminkan peribadi elegan dan maruah yang tinggi. Putih juga merupakan warna yang terkenal dengan makna kesucian melampaui kebendaan dan memberi kehidupan. Awan di langit yang berwarna putih berfungsi membawa hujan membawa maksud dengan membri kehidupan kepada bumi.

METODOLOGI KAJIAN

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data-data yang diperlukan untuk melengkapkan penulisan ini. Sumber rujukan dan informasi yang digunakan bagi melengkapkan kajian ini diambil daripada platform-platform dan institusi-institusi yang berautoriti:

a. Artikel Jurnal

Sumber utama penulisan ini adalah diperolehi melalui perpustakaan dalam talian *Wiley Online Library*. Maklumat dan informasi yang ditulis dalam kajian ini diperoleh daripada artikel yang benar dan sahih. Jurnal-jurnal yang digunakan dalam penulisan ini adalah Jurnal bahasa melayu seperti Ilmu Al-Quran dan Tafsir, Jurnal Imaji dan Jurnal DKV Adiwarna serta jurnal bahasa inggeris seperti *Cognitive Science*, *Color Research and Application* dan *Fashion of Fashion Education Journal*.

b. Laman Web

Laman web yang menjadi rujukan penulisan ini terdiri daripada beberapa laman web yang berautoriti. Gambar-gambar yang dikepulkan kesemuanya dipilih dan diperoleh daripada sumber laman web *Google Images* dan laman web yang memaparkan karya seni Khat yang berfokuskan jualan dan pameran seperti *TopKhat* dan *Kufi Gallery*. Isu semasa yang terdapat dalam kajian ini dipetik dari laman web Berita Harian.

Isu Warna dalam Seni Khat

Seorang seniman muda mengambil risiko bagi memulakan pembaharuan bidang seni khat dengan mempertaruhkan konsep warna bagi memberi nafas baharu dalam seni kaligrafi. Minat yang mendalam terhadap tulisan khat menjadikan U'zir Abdul Aziz, pengasas *TopKhat* mengambil risiko untuk mengaplikasi warna ke dalam kaligrafi arab kerana baginya seni khat perlu berkembang selari dengan peredaran zaman. Menurutnya, seni kaligrafi arab yang sering dihasilkan sinonim dengan penggunaan warna asas seperti coklat, putih dan hitam, maka dia ingin mencuba untuk menambahkan perkara baharu ke dalam karyanya. Penggunaan pelbagai warna lain terutamanya warna terang dan cerah menonjolkan keindahan dan kecantikan seni khat kepada orang ramai lebih-lebih lagi kepada artis dan penggemar tulisan khat.



Rajah 5: Syarikat Seni Khat *TopKhat*


TopKhat adalah satu syarikat jualan karya seni khat yang telah diasaskan pada tahun 2011 bertujuan menjadikan karya seni Islam moden lebih mudah diakses. *TopKhat* adalah syarikat pertama di Malaysia yang menggabungkan kaligrafi arab dengan reka bentuk moden dan kontemporari. Objektif utama *TopKhat* adalah untuk berkongsi nilai Seni Islam kepada orang ramai dan secara tidak langsung terinspirasi untuk mengetahui lebih lanjut tentang Islam. *TopKhat* menawarkan pelbagai reka bentuk eksklusif kaligrafi arab yang menakjubkan di atas kanvas. Dengan memasang karya seni yang indah ini pada dinding atau ruang bilik akan menjadikan rumah kelihatan sangat indah dengan hiasan Islamik yang mencerminkan keunggulan dan keindahan Islam.

Implementasi Warna Dalam Kaligrafi Arab

Secara tradisinya, karya seni islam menggunakan pelbagai jenis warna dan bentuk mengikut kreativiti para pengkarya. Boleh dikatakan dalam sebahagian besar lukisan, pilihan warna yang digunakan oleh seseorang individu pelukis adalah penentu apa yang ingin ditunjukkan kepada orang ramai tentang hasil karyanya (Kirchner & Koken, 2022). Antara karya seni kaligrafi arab yang mengaplikasi elemen warna adalah seperti berikut:



Rajah 6: Khat Kufi - Ayat Kursi berwarna hitam, coklat, oren, kuning dan putih digunakan untuk memisahkan potongan ayat atau tempat berhenti yang menjadi kebiasaan pembaca



Rajah 7: Khat Diwani - Nama Keluarga berwarna hijau dan coklat melambangkan warna semula jadi pokok menggambarkan kehidupan dan keharmonian serta sifat kasih sayang dan nilai kekeluargaan

Bahagian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara objek dan komponen warna yang digunakan dimana elemen tersebut difahami makna, sifat dan kegunaannya secara semulajadi. Hubungan invarian antara objek dan komponen memainkan peran penting dalam penggunaan warna oleh pelukis (Logvinenko & Levin, 2022). Contohnya, permukaan biru yang diterangi oleh cahaya kuning, dan sebaliknya, permukaan kuning diterangi oleh cahaya biru. Kedua-duanya memberi impak warna yang berlainan namun sentiasa serasi. Reka bentuk kaligrafi juga berperanan dalam memilih warna yang sesuai disamping warna latar yang sering menjadi tumpuan pelbagai warna dan corak abstrak.

Signifikan Elemen Warna dalam Khat Arab

Dalam seni kaligrafi, setiap karya masing-masing mempunyai bentuk yang unik dan kreatif. Perbandingan dalam penggunaan bentuk bahasa menjadi bagian dari interpretasi terhadap metafora, sama ada secara metafora antromorfis, metafora binatang, dan metafora sine-estetis (Paksi, 2021).

Tambahan itu, lukisan atau tulisan yang memiliki warna dapat memberikan pemaknaan yang berbeza ditambah dengan penggunaan bahasa arab yang berbeza bentuk tulisannya daripada bahasa melayu:

- a. Warna mampu menjadi alat komunikasi secara langsung antara pelukis dan individu yang melihat karyanya tanpa memerlukan kepada penyampaian informasi secara verbal. Warna mampu membangkitkan pelbagai emosi dengan mengolahkan makna yang tersembunyi di dalam karya seniman Islam.
- b. Aplikasi warna merupakan salah satu metod atau cara untuk menyampaikan pesan atau makna tersembunyi di sebalik gambar melalui psikologi warna dalam *color grading*. Bagi menghasilkan karya yang baik, seorang seniman memerlukan kepada pemahaman berkaitan psikologi warna serta teknik aplikasi yang betul untuk memanipulasi warna sesebuah gambar.
- c. Tekstur dan zat warna semulajadi mempengaruhi kualiti gambar dan karya yang dihasilkan. Pemilihan warna yang teliti dan serasi dengan jenis dan bentuk kaligrafi mampu memperlihatkan kelainan antara karya seorang seniman dengan yang lain disamping mempamerkan potensi karya yang mampu dihasilkan pada masa hadapan.

Signifikan penggunaan warna dalam penghasilan kaligrafi adalah sudah terang lagi bersuluh untuk memperlihatkan keindahan karya seni Islam dan bertujuan untuk menghubungkan unsur-unsur warna dengan nilai agama Islam. Setiap warna membawa kepada pemahaman yang berbeza, hanya pengkarya yang mampu menjelaskan apa yang dihasilkannya kepada orang ramai. Karya-karya kaligrafi arab yang berunsur warna-warni sama ada sebagai abstrak latar belakang mahupun pada tulisan huruf itu sendiri menggambarkan kecantikan Islam. Hal ini menjadikah seni khat dikenali ramai sebagai medium ibadah dan dakwah (Gischa, 2021) Warna adalah salah satu hal penting dalam kehidupan tiap manusia.

KESIMPULAN

Elemen warna yang pelbagai digunakan secara meluas untuk memudahkan manusia dalam berkomunikasi bagi mencapai kesepakatan melalui pembacaan sistem warna. Nilai yang terdapat dalam penggunaan unsur warna bukan sahaja dapat kita fahami dan kemudian memanfaatkannya secara efektif namun persepsi manusia yang tentang warna adalah lebih baik untuknya melihat dengan mata kasar. Peranan warna dalam objek yang kita lihat dan gunakan setiap hari menjadikan tugas-tugas harian lebih mudah. Namun, kelebihan ini tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh manusia terutamanya bagi mereka yang mengalami buta warna atau hanya mampu melihat satu warna sahaja. Karya seni kaligrafi arab juga dijadikan sebagai media ibadah dan dakwah bertujuan untuk mengagungkan nama Allah dan sebagai inspirasi orang ramai terhadap Islam.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap dunia pendidikan kerana telah menyediakan pelbagai bahan rujukan dan sumber informasi yang banyak membantu dalam penghasilan artikel ini. Pengkaji juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ts. Dr. Muhamad Firdaus Ramli, pensyarah subjek Seni dan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas bimbingan beliau sepanjang proses penghasilan artikel ini serta rakan-rakan dan kedua ibu bapanya atas sokongan mereka sehingga selesai menyiapkan artikel ini. Pengkaji amat menghargai semua pihak yang telah banyak membantu, ia merupakan satu pengalaman yang mencabar namun bermakna.

RUJUKAN

- Adhi, K., & Laila, N. H. (2020). Kualitas Hasil Pencelupan Zat Warna Alam Dari Kunyit (*Curcuma domestica Val*) pada Benang Tenun. *Fashion of Fashion Education Journal*. <https://doi.org/10.15294/ffej.v9i1.37370>
- Baydoun, Z., Abdulrahman Alghamdi, N., & Kamarudin, Z. (2023). *The Islamic Art And Design Elements Applied In The Islamic City, A Case Study Of Putrajaya Islamic City Planning Malaysia*, 21(25). <https://doi.org/10.21837/pm.v21i25.1241>
- Dahlan, A. (2021). Belajar HTML - Color value Dan Spesifikasi Warna - matamu. matamu. <https://matamu.net/belajar-html-color-value-dan-spesifikasi-warna/>
- Dariyadi, M.W., Baydoun, Z., Kamarudin, Z. et al. (2022). *The Islamic art and design elements applied in the Islamic city. City, Territory and Architecture*, 9(10). <https://doi.org/10.1186/s40410-022-00155-4>
- David Thejahanjaya & Yusuf Hendra Yulianto. (2022). Penerapan Psikologi Warna Dalam *Color Grading* Untuk Menyampaikan Tujuan Dibalik Foto. Jurnal DKV Adiwarna. Publication of Petra Christian University. <https://publication.petra.ac.id/index.php/dkv/article/view/12244>
- Diethelm, B. (2021). *The Five-colour theory: A new approach to colour*. *Color Research and Application*, 46, 595-603. <https://doi.org/10.1002/col.22664>
- George, A. (2017). *The Qur'an, Calligraphy, and the Early Civilization of Islam. A Companion to Islamic Art and Architecture*. <https://doi.org/10.1002/9781119069218.ch4>
- Gischa, S. (2021). Kaligrafi: Pengertian, Perkembangan Dan Fungsinya. Kompas Cyber Media. <https://www.kompas.com/skola/read/2021/02/26/202704369/kaligrafi-pengertian-perkembangan-dan-fungsinya?page=all>
- Hidayat, H. (2020). Simbolisasi Warna Dalam Al-Quran. Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir. IAIN Purwokerto. 5(1), 36-50. <https://doi.org/10.24090/maghza.v5i1.3638>
- Kirchner, E., & Koken, P. (2022). *The art of painting rainbows between color science and painter's practice*. *Color Research and Application*, 47(6), 1372-1391. <https://doi.org/10.1002/col.22810>
- Lindsey, D. T., Brown, A. M., & Lange, R. (2020). *Testing the Cross-Cultural Generality of Hering's Theory of Color Appearance*. *Cognitive Science*, 44. <https://doi.org/10.1111/cogs.12907>
- Logvinenko, A. D. & Levin, V.L. (2022). *Object-Colour Indeterminacy. Foundations of Colour Science*. <https://doi.org/10.1002/9781119885955.ch20>
- Norrasyidah Arshad. (2017, November). Warna terang beri nafas baharu seni khat. Berita Harian. <https://www.bhariani.com.my/berita/wilayah/2017/11/353571/warna-terang-beri-nafas-baharu-seni-khat>
- Paksi, D. N. F. (2021). Warna dalam Dunia Visual. Panorama Mengamplifikasi Gagasan melalui Media Audio-Visual. Jurnal Imaji. Fakultas Film dan Televisi Institut Kesenian Jakarta, 12(2), 90-97. <http://repository.ikj.ac.id/534/1/Imaji%202021%20-%20No.2%20Juli%20%281%29.pdf#page=47>
- Yang, J, Chen, Y, Westland, S, & Xiao, K. (2020). *Predicting visual similarity between colour palettes*. *Color Research and Application*, 45, 401-408. <https://doi.org/10.1002/col.22492>